

17 FEB 2000

Mahathir-Ku Li

DR MAHATHIR YAKIN KU LI TAK BERTANDING

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau percaya Tengku Razaleigh Hamzah akan berpegang kepada kenyataannya untuk tidak bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Perdana Menteri berkata Majlis Tertinggi Umno menyambut baik kenyataan tersebut yang dianggap selaras dengan kedudukan Tengku Razaleigh sebagai anggota MT dan dengan pendirian majlis itu bahawa kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

"Kita sambut baik kenyataan (Ku Li) itu kerana dia juga ahli MT dan MT buat keputusan sebulat suara supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

"Saya percaya beliau akan pegang pada kenyataannya," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu hari ini.

Sebuah akhbar hari ini memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata beliau tidak ada rancangan untuk bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden Umno.

Dr Mahathir juga berkata tidak benar beliau bersikap terbuka mengenai jawatan Timbalan Presiden yang kononnya boleh ditandingi dan bersetuju jawatan Presiden tidak dipertandingkan.

"Ini tidak benar kerana sebagai anggota MT, saya juga terikat dengan keputusan MT. MT menasihat supaya tidak ada pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dan ini bermakna saya juga menasihat tidak ada pertandingan," katanya.

Dr Mahathir berkata amatlah mendukacitakan jika dikatakan bahawa beliau bersetuju jawatan presiden tidak ditandingi manakala jawatan timbalan presiden boleh ditandingi kerana itu bermakna ia melindungi dirinya sendiri.

"Itu bukanlah hasrat saya. Adalah tidak benar saya mempunyai pendirian terbuka. Saya berpegang kepada keputusan MT iaitu kedua-dua jawatan tidak ditandingi dan ia sebagai nasihat daripada MT dan juga daripada saya," katanya,

Ditanya mengenai pendapat peringkat akar umbi bahawa jawatan timbalan presiden harus dipertandingkan kerana ada kekosongan dan Naib Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hanyalah menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, beliau berkata memang ada pendapat sedemikian.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata bahawa keadaan itu pernah berlaku semasa beliau menjalankan tugas Timbalan Presiden.

"Apabila Tun Hussein Onn melantik saya menjadi Timbalan Perdana Menteri saya turut menjadi Naib Presiden Umno tetapi diberi layanan sebagai Timbalan Presiden Umno walaupun tidak memegang jawatan itu," katanya.

Katanya apabila tiba masa untuk pemilihan beliau menjadi calon tunggal untuk jawatan nombor dua parti itu dan tidak ada pertandingan.

"Apa yang dilalui oleh Pak Lah sekarang bukanlah sesuatu yang luar biasa," katanya.

Dr Mahathir berkata MT yang membincangkan mengenai aktiviti pemilihan turut berpuashati dengan kempen pemilihan yang berjalan kerana ia tidak terlalu rancak dan ghairah.

Mengenai laporan bahawa pegawai kerajaan Kumpulan A dibenarkan aktif dalam politik, beliau berkata Umno tidak pernah membuat pendirian mengenai perkara itu sebaliknya mematuhi peraturan-peraturan kerajaan yang melarang

pegawai kerajaan Kumpulan A tidak boleh aktif dalam politik.

"Sebarang kenyataan lain oleh mana-mana pihak yang Umno hendak supaya Kumpulan A boleh aktif adalah tidak benar dan berasas dan ia bukanlah keputusan MT," katanya.

Pada 10 Feb lepas, Utusan Malaysia dalam laporan muka depannya memetik sumber melaporkan bahawa MT bersetuju kerajaan melonggarkan larangan itu.

Dr Mahathir turut menasihatkan anggota perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan agung Mei ini supaya tidak menemui bakal-bakal calon yang akan bertanding untuk mendapatkan sesuatu dan berjanji akan memberi sokongan dan mengundi mereka.

-- BERNAMA

HS AR MAI